

Akhbar Berita Harian

Dirujuk oleh

- [1958-11-19: Laporan Banjir \(Berita Harian\)](#)

1957: Mula Diterbitkan

Akhbar Berita Harian adalah kepunyaan syarikat

[Straits Times Press Limited](#), satu-satunya akhbar yang menggunakan tulisan rumi ketika itu (Akhbar [Utusan Melayu](#) ditubuhkan tahun 1939) masih dalam tulisan jawi). Sumber beritanya adalah terjemahan terus dari Straits Times, atau dihantar oleh pemberita sendiri di bandar-bandar besar melalui mesin teleprinter. Ketua pengarangnya ialah [A. Samad Ismail](#).



Gambar ramai ini menunjukkan wartawan2 Melayu di-Kuala Lumpur bergambar ramai bersama2 Perdana Menteri P sekutuan, Tengku Abdul Rahman Putra Alhaj, di-Residency, beberapa tahun yang lalu. Berdiri di-barisan depan, dari kanan Inche Ali Salim, sub-editor Utusan; Inche M. Ghazali bin Abdul Samad; Inche Ainul Jamal, Pemberita Utusan Melayu; In Abdul Aziz, tuan punya Pustaka Antara; Inche Abdul Samad Ismail, Pengarang Berita Harian; Tengku Abdul Rahman; In Said Zahari; Inche Abdullah Ahmad; Inche Mustaffa Suhaimi, sub-editor Berita Harian.

Barisan kedua, dari kanan: Inche Rosdin Ya'cob, ketua Pemberita Utusan; Inche Ghazali Yunus; Inche Wahab Ma Inche Melan Abdullah, penulis rencana Pengarang merangkap Personal Assistant kepada Managing Director Utusan; In Ghazali Ismail (pengarang buku ini); Inche Salleh Yusof, Ketua biro Utusan Melayu di-Singapura; Inche Hamid Yasi Inche Abu Zaki Fadzil.

Di-belakang Inche Hamid ia-lah Inche Salim Kajai, manakala se-belah-nya ia-lah Inche Ibrahim. Di-belakang In Ghazali Ismail ia-lah Tuan Syed Jaffer Albor, bekas Menteri Muda Penerangan dan Siaran Radio, sementara di-sebelah-nya ia-lah Tuan Critchley, Pasuruhjaya Tinggi Austrolio di-Persekutuan Tanah Melayu.

Wartawan-Wartawan Melayu Kuala Lumpur (mungkin akhir 1950-an), bersama Tunku Abdul Rahman (barisan depan, 4 dari kiri, diapit oleh [A. Samad Ismail](#) (Berita Harian) di sebelah kiri beliau, dan [Said Zahari](#) (Utusan Melayu) di sebelah kanan (3 dari kiri). Gambar dan maklumat lanjut: Ghazali Ismail, 1962:

|
["Wartawan Dalam Seribu Suasana"](#), m.s.7 & 225 (PDF).

Beberapa tahun selepas gambar ini (iaitu tahun 1961), [Said Zahari](#) telah mengetuai mogok membantah pengambil alihan Utusan Melayu oleh UMNO, menyebabkan beliau tidak lagi dibenarkan masuk ke Tanah Melayu. Pada tahun 1963, beliau ditangkap pula di Singapura dalam suatu operasi penangkapan politik di sana, dan ditahan dalam ISA selama 17 tahun. Maklumat lanjut:-

• |
["Utusan Melayu maseh mogok"](#). *Berita Harian*, 23 July 1961, Page 1

• |
["HANTU RAYA MENGECHAM PERIKATAN MENGENAI MOGOK UTUSAN MELAYU"](#). *Berita Harian*, 27 August 1961, Page 1

- Jomo Kwame Sundaram @ New Straits Times - April 19, 2016:

|
["A salute to Said Zahari"](#)

- Jomo Kwame Sundaram @ Malaysiakini - 12 Apr 2021:

|
["COMMENT | The Mandela of Malayan journalism"](#)).

- Steven Sim @ Berita Harian, 12 Oktober 2019:

|
["Mengimbas 80 tahun Utusan Malaysia"](#)


CATATAN: Sejarah Straits Times:

|
["LIVING HISTORY - 170 years of The Straits Times"](#) (PDF)

Pengakuan penting: Kami bukan ahli sejarah! Sila klik di sini untuk penjelasan lanjut.

Laman Utama	1900-1909	1910-1919	1920-1929	1930-1939	1940-1949	1950-1959	1960-1969	1970-1979	1980-1989	1990-1999
Siri Cebisan Sejarah:	Bangi	Gambang	Hutan	Ipoh	Kajang	Kuala Lumpur	Kuantan	Pulau Pinang	Hubungi Kami	

Selain petikan dan sumber yang dinyatakan, rencana ini telah diusahakan oleh TMK Pulasan, di bawah kelolaan Syahrul Sazli Shahrir <sazli@pulasan.my>. Pengakuan penting: Kami bukan ahli sejarah! Sila klik di sini untuk penjelasan lanjut.



From:
<https://bangi.pulasan.my/> - **Cebisan Sejarah Bangi**

Permanent link:
https://bangi.pulasan.my/berita_harian

Last update: **2021/04/12 10:34**

